

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan rumusan kajian. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah taburan min, peratusan, ujian - t, dan ANOVA Sehala.

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kesedaran kerjaya palajar India di sekolah menengah dan melihat hubungkaitnya berdasarkan jantina pelajar, tahap pengajian, jenis pekerjaan bapa, tahap kesediaan memilih pekerjaan, pemilihan pekerjaan mengikut kumpulan realistik dan tidak realistik dan sebab memilih sesuatu pekerjaaan.

Kajian ini dijalankan ke atas 160 orang pelajar di dua buah sekolah menengah di Negeri Selangor. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Raja Zarina di Pelabuhan Klang. Daripada jumlah sampel tersebut seramai 80 orang pelajar adalah pelajar lelaki dan seramai 80 orang pelajar lagi merupakan pelajar perempuan. Sampel kajian tersebut telah dipilih secara rawak.

Dua instrumen kajian telah digunakan dalam kajian ini. Inventori Kerjaya Fadale telah digunakan untuk mengukur kesedaran kerjaya pelajar. Manakala Soal Selidik

Pelajar telah digunakan untuk mendapatkan maklumat demografi pelajar, kesediaan belajar memilih pekerjaan, pemilihan pekerjaan mengikut kumpulan realistik dan tidak realistik serta sebab pelajar memilih sesuatu pekerjaan.

### 5.1 Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan beberapa dapatan yang menarik dan penting.

#### 5.1.1 Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar

Pelajar-pelajar dalam kajian ini mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi. Analisis data menunjukkan min skor kesedaran kerjaya yang diperolehi oleh sampel kajian ini ialah 91.68. Min skor ini merupakan nilai tertinggi dalam skala yang direka oleh Fadale ( 1974 ).

Seperti yang diketahui, tahap kesedaran kerjaya merujuk kepada pengetahuan pelajar mengenai dunia pekerjaan. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa majoriti daripada sampel kajian mengetahui mengenai pekerjaan yang terdapat di pasaran buruh. Maklumat ini mungkin telah diperolehi oleh mereka melalui pendedahan daripada media massa, kemudahan teknologi maklumat, perubahan persekitaran yang mempengaruhi corak hidup keluarga dan juga menerusi pendidikan formal dan tidak formal.

Pada masa lampau, para pelajar tidak mempunyai peluang yang secukupnya untuk menentukan matlamat jangka panjang dan sering membuat pemilihan kerjaya berdasarkan perhubungan yang terhad dengan ahli keluarga, saudara - mara dan kawan-kawan ( Yeoh Swee Hock ). Oleh itu, mereka mempunyai pengetahuan yang agak cetek dan sempit mengenai kerjaya dan dunia pekerjaan yang menghadkan pemilihan kerjaya kepada beberapa pekerjaan yang tertentu sahaja. Perubahan dalam pemilihan kerjaya adalah disebabkan oleh faktor peredaran masa dimana autonomi individu semakin bertambah dan individu mempunyai kebebasan yang lebih untuk memilih bidang kerjaya yang diminatinya.

Walaubagaimanapun, autonomi dan kebebasan memilih kerjaya perlulah diselaraskan dengan maklumat yang secukupnya tentang jenis-jenis pekerjaan supaya individu dapat bekerja dalam persekitaran pekerjaan yang dapat menggunakan kebolehan, minat dan bakat dalam dirinya secara maksimum.

#### 5.1.2 Tahap Kesedaran Kerjaya Berasaskan Jantina

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan diantara tahap kesedaran kerjaya pelajar berasaskan jantina pelajar. Dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian Rich ( 1979 ), Dasimah ( 1986 ), Ooi ( 1988 ) dan Maznah ( 1992 ).

Faktor jantina tidak membezakan tahap kesedaran kerjaya pelajar mungkin disebabkan pendedahan tentang dunia pekerjaan yang sama banyak, samada untuk pelajar

delaki mahupun pelajar perempuan. Program-program seperti hari kerjaya, seminar kerjaya atau ceramah kerjaya, lawatan, perkhemahan kerjaya yang sering diadakan di sekolah membolehkan pelajar mendapat pendedahan yang secukupnya tentang maklumat kerjaya. Wujudnya peluang pendedahan tentang maklumat kerjaya membolehkan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan mempunyai kesedaran yang sama dalam aspek kerjaya. Oleh itu, jantina pelajar tidak mempunyai pengaruh ke atas kesedaran kerjaya.

#### 5.1.3 Tahap Kesedaran Kerjaya Berasaskan Tahap Pengajian

Analisa data menunjukkan terdapat perbezaan di antara kesedaran kerjaya dengan tahap pengajian ( tingkatan ). Dapatkan menunjukkan kadar kesedaran kerjaya pelajar tingkatan 3 berbeza dari kadar kesedaran kerjaya pelajar tingkatan 4.

Kajian Rich ( 1979 ), Ooi ( 1988 ) dan Powell & Luzzo ( 1998 ) mendapat terdapat perbezaan di antara kadar kesedaran kerjaya dengan tahun pengajian. Sementara itu, kajian Hall ( 1963 ) dan Maznah ( 1992 ) mendapat tidak terdapat perbezaan yang nyata di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar dengan tahun pengajian. Sampel kajian mereka terdiri daripada pelajar-pelajar dari gred 10, 11 dan 12 dan didapati tidak wujud perbezaan dari segi tahap kesedaran di antara gred-gred tersebut. Dapatkan seperti ini diperolehi mungkin disebabkan perbezaan umur pelajar-pelajar tersebut. Pelajar-pelajar yang lebih dewasa mungkin mempunyai gambaran yang lebih luas mengenai dunia pekerjaan.

Kematangan kerjaya yang lebih tinggi di kalangan pelajar-pelajar yang lebih tua dapat membantu mereka memahami dengan lebih lanjut mengenai perkaitan antara pelajaran dan kerjaya berbanding pelajar-pelajar yang lebih muda daripada mereka. Ini selaras dengan anggapan ahli-ahli teori kerjaya bahawa kematangan akan bertambah bagi memperlakui dan menggunakan maklumat pekerjaan seiring dengan peningkatan usia dan pengalaman yang bertambah ( Yeoh Swee Hock ).

Setelah meneliti hasil kajian di atas, boleh dirumuskan bahawa perkaitan antara tahun pengajian dengan kesedaran kerjaya mungkin dipengaruhi oleh tahap kematangan kerjaya yang disebabkan oleh perbezaan umur. Walaubagaimanapun hasil kajian juga menunjukkan bahawa perkaitan di antara tahap pengajian dengan kesedaran kerjaya bukan merupakan sesuatu yang konsisten dan ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti lokasi sekolah, tahap sosioekonomi keluarga dan tempat tinggal responden.

#### 5.1.4 Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Berasaskan Jenis Pekerjaan Bapa

Dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis pekerjaan bapa memberi kesan kepada tahap kesedaran kerjaya pelajar. Pelajar didapati mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi jika pekerjaan bapa tergolong dalam pekerjaan profesional iaitu yang memerlukan ijazah ikhtisas sebagai kelayakan asas.

Pekerjaan-pekerjaan profesional biasanya merupakan pekerjaan yang menjanjikan pendapatan yang lebih lumayan berbanding pekerjaan jenis teknikal dan bukan

profesional. Ini secara tidak langsung dapat mempastikan gaya hidup yang berbeza kepada pelajar-pelajar yang datang dari setiap kumpulan pekerjaan tersebut. Pendapatan yang lumayan biasanya menjanjikan gaya hidup yang lebih mewah di mana anak-anak diperuntukkan dengan pelbagai kemudahan seperti komputer dan perpustakaan peribadi.

Oleh itu, mereka lebih berpeluang untuk menggunakan kemudahan tersebut untuk meneroka dengan lebih mendalam mengenai dunia pekerjaan. Di samping itu, pelajar yang mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi didapati mempunyai pencapaian akademik yang tinggi ( Ooi 1988 ). Pelajar-pelajar begini biasanya mempunyai minat membaca yang luas dan ini memberi peluang untuk mereka mengetahui tentang pelbagai kerjaya yang wujud di pasaran buruh.

Ibubapa yang mempunyai pekerjaan profesional adalah juga merupakan individu yang mempunyai kelayakan akademik yang cemerlang. Oleh itu sebagai individu yang lebih sedar tentang kesedaran kerjaya berbanding dengan ibubapa daripada kumpulan teknikal dan bukan profesional, ibubapa yang mempunyai pekerjaan profesional memainkan peranan yang lebih penting dalam memberi kesedaran kerjaya kepada anak-anak.

Oleh itu peranan ibubapa yang mempunyai pekerjaan profesional adalah lebih ketara dalam memberi panduan dan bimbingan kerjaya kepada anak-anak. Penglibatan mereka dapat menyumbang kepada peningkatan tahap kesedaran kerjaya anak-anak mereka.

### 5.1.5 Tahap Kesedaran Kerjaya Dan Tahap Kesediaan Pelajar Memilih Pekerjaan

Dalam bahagian ini, tujuan utama kajian adalah untuk melihat tahap kesediaan pelajar memilih pekerjaan untuk masa hadapan. Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar pelajar dalam kajian ini bersedia untuk memilih pekerjaan tertentu sebagai kerjaya pada masa hadapan. Maklumat yang secukupnya tentang sesuatu pekerjaan dan minat menjadi asas bagi pelajar itu bertindak memilih pekerjaan tersebut sebagai kerjaya masa hadapan. Walaubagaimanapun, melalui ujian ANOVA didapati tiada perbezaan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar dengan kesediaan pelajar memilih pekerjaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran kerjaya pelajar tidak dipengaruhi oleh tahap kesediaan memilih pekerjaan.

Pelajar-pelajar yang bersedia untuk memilih pekerjaan tidak semestinya merupakan pelajar yang mempunyai kesedaran kerjaya tinggi. Manakala pelajar yang belum pasti dan tidak bersedia untuk memilih sebarang pekerjaan tidak semestinya mempunyai tahap kesedaran yang rendah. Ada kemungkinan pelajar yang mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi belum pasti untuk memilih sebarang pekerjaan disebabkan pelajar tersebut masih dalam proses pemilihan pekerjaan yang paling sesuai dengan minat, kebolehan dan bakatnya.

Di samping itu, responden yang mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang rendah mungkin bersedia untuk memilih sesuatu pekerjaan tertentu disebabkan minatnya yang

mendalam dalam bidang tersebut sejak dari kecil lagi atau pekerjaan tersebut merupakan pekerjaan turun temurun yang dilakukan oleh ahli keluarganya.

Oleh yang demikian, tumpuan dan perhatian yang sama banyak perlu diberikan kepada pelajar-pelajar dari segi intervensi bimbingan kerjaya sama ada bagi pelajar yang telah bersedia untuk memilih pekerjaan yang bakal diceburi, yang belum pasti dengan pilihan pekerjaan atau tidak bersedia untuk memilih sebarang pekerjaan.

#### 5.1.6 Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Dengan Pemilihan Pekerjaan Di antara Pekerjaan Realistik Dan Tidak Realistik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbeaan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar dengan kumpulan pemilihan pekerjaan realistik dan tidak realistik. Sekiranya pelajar dapat memberikan sebab yang relevan bagi pemilihan pekerjaan, maka pemilihan tersebut dianggap sebagai pemilihan pekerjaan yang realistik. Misalnya, jika seorang pelajar memilih untuk menjawat jawatan sebagai doktor, maka sebab yang relevan dengan pemilihan pekerjaan tersebut mungkin adalah seperti berikut:

- i. Berbakti kepada masyarakat
- ii. Bidang sains yang sentiasa mencabar dan melibatkan penemuan saintifik
- iii. Dapat memberi perkhidmatan kepada segenap lapisan masyarakat
- iv. Profesional yang memerlukan kesabaran, perhubungan interpersonal dan pengorbanan yang tinggi.

Sekiranya pelajar tersebut memberikan alasan bahawa dia memilih untuk menjadi doktor disebabkan gaji yang lumayan, dapat memakai uniform yang memberikan imej dan prestij yang tinggi, maka alasan tersebut dianggap sebagai tidak realistik.

Hasil kajian mendapati lebih dari 50 % sampel kajian memberikan alasan yang tidak realistik untuk pekerjaan yang dipilih sebagai kerjaya yang akan diceburi pada masa hadapan. Analisis ANOVA menunjukkan bahawa kumpulan responden yang memberikan alasan yang tidak realistik untuk pekerjaan yang dipilih tidak berbeza dari segi tahap kesedaran dengan kumpulan yang memberikan alasan yang realistik.

Oleh itu, tidak semestinya pelajar-pelajar yang memberikan alasan yang realistik mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi. Manakala pelajar-pelajar yang memberikan alasan yang tidak realistik pula tidak semestinya mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang rendah. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan:

- i. Pelajar yang memberikan alasan yang realistik bagi pemilihan pekerjaan mungkin mengetahui secara mendalam mengenai pekerjaan tersebut sahaja disebabkan minatnya dalam bidang tersebut. Pada masa yang sama, pelajar tersebut mungkin tidak mengetahui dengan mendalam mengenai pekerjaan-pekerjaan lain. Oleh itu pelajar tersebut memilih pekerjaan yang realistik tetapi tidak mempunyai tahap kesedaran yang tinggi. Walaubagaimanapun, ada juga kemungkinan pelajar yang memberikan alasan yang realistik, bukan sahaja mengetahui secara mendalam mengenai pekerjaan yang dipilih, malah dia mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai pekerjaan-pekerjaan yang lain. Oleh itu, pelajar ini bukan

sahaja memilih pekerjaan yang realistik, tetapi juga mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi.

- ii. Selain itu, pelajar yang mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi mungkin memilih pekerjaan yang tidak realistik. Mengikut Teori Tret dan Faktor individu yang mengetahui keperluan, syarat - syarat untuk kejayaan, kebaikan dan keburukan, peluang dan prospek dalam berbagai jurusan pekerjaan perlu juga mempunyai pemahaman yang jelas mengenai dirinya termasuk aptitud, kebolehan, minat, cita-cita, limitasi agar dapat membuat pemilihan vokasional yang bijak.

Oleh itu, ada kemungkinan pelajar yang mengetahui tentang dunia pekerjaan ( tahap kesedaran kerjaya yang tinggi ) tidak dapat memahami dengan jelas mengenai aptitud, kebolehan dan yang mendorong dirinya untuk memilih pekerjaan tersebut, lalu memberikan alasan yang tidak realistik bagi kerjaya yang dipilihnya.

Sementara itu, pelajar yang mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang rendah mungkin memilih pekerjaan yang tidak realistik kerana sememangnya pelajar tersebut mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang rendah mengenai dunia pekerjaan.

### 5.1.7. Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Berasaskan Sebab Mereka Memilih Sesuatu

#### Pekerjaan Tertentu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar berasaskan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan. Sebab pemilihan kerjaya telah dikategorikan kepada 2 kumpulan pekerjaan iaitu kumpulan pekerjaan realistik dan kumpulan pekerjaan tidak realistik. Pelajar yang memilih pekerjaan yang tidak realistik memberikan sebab pemilihan pekerjaan berdasarkan minat atau minat dan kebolehan. Sementara itu, pelajar yang memilih pekerjaan yang realistik memberikan sebab pemilihan pekerjaan berdasarkan minat, kebolehan dan bakat atau minat, kebolehan, bakat dan peluang kerja.

Seperti yang telah dibincangkan di bahagian 5.1.6., tahap kesedaran kerjaya pelajar tidak dipengaruhi oleh sebab pemilihan pekerjaan. Dapatan ini menyokong hipotesis 5.1.6., di mana kumpulan pekerjaan realistik atau tidak realistik tidak mempengaruhi tahap kesedaran kerjaya pelajar dan oleh itu sebab pelajar memilih pekerjaan tertentu ( sama ada realistik atau tidak realistik ) juga tidak mempengaruhi tahap kesedaran kerjaya pelajar.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang memilih pekerjaan yang tidak realistik ( 41.25 % ) memberikan sebab minat sebagai alasan mereka memilih pekerjaan tersebut. Sementara itu, kebanyakan pelajar yang

erta ruang lingkup dan variasi strategi untuk memastikan pelajar benar-benar telah bersedia untuk memilih pekerjaan mengikut kumpulan pekerjaan yang realistik dengan memberikan sebab-sebab yang relevan bukanlah boleh dibuat menerusi satu langkah sahaja tetapi melibatkan pelbagai langkah yang membabitkan pelbagai pihak.

Berikut adalah beberapa cadangan yang dikemukakan berdasarkan penemuan kajian. Melihatkan dapatan kajian ini menunjukkan kesedaran kerjaya pelajar tingkatan 3 berbeza daripada kesedaran kerjaya pelajar tingkatan 4, perlu dirancang aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar. Aktiviti-aktiviti yang dirancang haruslah berbeza mengikut tahap pengajian atau tingkatan dan sesuai dengan tahap pencapaian akademik pelajar tersebut. Ini penting kerana aktiviti yang dijalankan tidaklah seharusnya berupa pasif, tetapi aktiviti tersebut dapat menggerakkan pemerhatian dan juga pemikiran kritis pelajar. Penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan akan dapat meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar.

Pelajar harus didedahkan secara langsung dengan suasana kerjaya yang wujud. Pelajar boleh dibawa melawat tempat kerja. Dengan cara ini pelajar dapat didedahkan dengan suasana kerja tersebut dan ini dapat menolong pelajar tersebut mengenali dirinya sendiri dari segi bakat, minat dan kebolehan yang ada pada dirinya dengan sesuatu pekerjaan yang dilihatnya.

Guru - guru yang mengajar sesuatu mata pelajaran juga dapat membantu pelajar dengan memberikan maklumat tentang kerjaya. Guru dapat membantu meningkatkan

kesedaran kerjaya pelajar dengan cara mengaitkan subjek yang diajar dengan peluang - peluang pekerjaan yang wujud. Dengan ini guru dapat menolong memberi maklumat kerjaya kepada pelajar. Langkah ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar dan menolong dalam pemilihan kerjaya yang tepat pada masa hadapan dengan bakat, minat dan kebolehan dirinya.

Kaunselor sekolah mempunyai peranan penting dalam memberi kesedaran kerjaya kepada pelajar. Banyak aktiviti yang berguna dapat dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar. Untuk memastikan pelajar mendapat maklumat terkini tentang kerjaya, kaunselor kerjaya boleh menjemput para penceramah dari luar sama ada dari pihak berkuasa atau pihak swasta seperti pegawai dari Jabatan Tenaga Rakyat, Kelab Rotary, Kelab Lions, atau agensi pekerjaan swasta untuk memberi maklumat kerjaya. Langkah ini dapat menolong pelajar memahami dunia pekerjaan dengan lebih lanjut.

Peranan guru kaunselor kerjaya sekolah bukan hanya terlibat secara langsung dengan masalah pelajar sahaja, malah lebih daripada itu. Mengikut Hoyt ( 1977 ), peranan kaunselor sekolah dapat dibahagikan kepada lima kategori seperti yang berikut:

1. mengimplementasikan pendidikan kerjaya dalam bilik darjah
2. menjadi perantaraan sekolah dengan perniagaan, industri atau komuniti buruh
3. menanam pemahaman ibu bapa dan meningkatkan penglibatan mereka dalam pendidikan kerjaya

4. memberi pertolongan terus kepada pelajar dalam membuat atau mengambil keputusan dan
5. melibatkan diri dalam proses perkembangan pekerjaan seluruhnya, termasuklah penempatan pekerjaan dan ekoran seterusnya.

Secara ringkasnya, kaunselor kerjaya merupakan orang penting di sekolah di mana kaunselor kerjaya harus bekerja sama dengan pelbagai pihak termasuk guru-guru, pentadbir, ibu bapa dan pegawai-pegawai lain yang dapat membantu ke arah peningkatan kesedaran kerjaya pelajar.

Seterusnya langkah mengadakan sudut khas untuk tujuan kerjaya sama ada di bilik kaunseling atau di tempat tumpuan pelajar seperti di kantin sekolah merupakan langkah yang bijak. Dengan cara ini, pelajar memperolehi sedikit sebanyak maklumat kerjaya. Maklumat yang dipamerkan di tempat tersebut hendaklah yang memberikan maklumat terkini tentang peluang kerjaya yang wujud di negara ini. Dengan cara ini pelajar dapat memperolehi maklumat dan mengetahui prospek kerjaya terkini yang diperlukan oleh negara.

Selain daripada aktiviti-aktiviti di atas pihak sekolah juga boleh mengadakan aktiviti seperti hari kerjaya, pameran kerjaya, lawatan ke tempat kerja seperti kilang, hospital, pelabuhan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini diharapkan dapat meningkatkan kadar kesedaran kerjaya pelajar, di mana aktiviti tersebut dapat membekalkan maklumat kerjaya yang diperlukan oleh pelajar.

Peranan ibu bapa juga merupakan faktor penting yang dapat memberi kesedaran kepada pelajar. Ibu bapa berperanan meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar kerana wujudnya peluang bagi mereka untuk berbuat demikian. Sebagai contoh, ibu bapa apabila membawa keluar anak untuk bersiar-siar, seharusnya menerangkan sesuatu jenis pekerjaan yang dilihatnya, kemahiran dan pengetahuan yang digunakan dalam kerjaya tersebut. Dengan cara ini pelajar dapat mengenali dengan lebih mendalam sesuatu pekerjaan yang dilihatnya dan ini dapat menolong pelajar tersebut mengenali dirinya sendiri dari segi bakat, minat dan kebolehannya.

Ibu bapa juga boleh berperanan sebagai model pekerja kepada anak mereka dengan menerangkan tugas harian mereka. Anak-anak juga boleh dibawa melawat tempat kerja supaya mereka didedahkan kepada suasana kerja di sesuatu tempat. Ini membolehkan pelajar memahami sesuatu pekerjaan dengan lebih mendalam dan ini dapat meningkatkan kesedaran kerjaya kerja yang dilihatnya.

Selain daripada itu, ibu bapa juga boleh menjadi sumber inspirasi kepada pelajar dalam kesedaran kerjaya dan pemilihan kerjaya. Sebagai contohnya, pada hari kerjaya yang diadakan di sekolah ibu bapa boleh menjadi penceramah yang memberi maklumat tentang pekerjaan yang dilakukannya. Dengan cara ini ibu bapa dapat menyumbang meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar. Ini dapat menolong pelajar memahami sesuatu pekerjaan dengan lebih baik dan dapat memilih sesuatu kerjaya yang lebih realistik pada masa hadapan.

Ibu bapa juga boleh membekalkan bahan bacaan yang secukupnya kepada anak - anak mereka. Membaca sejak kecil lagi adalah penting supaya pelajar dapat maklumat kerjaya yang secukupnya dari bahan - bahan bacaan. Akhbar, majalah dan bahan - bahan bacaan lain dapat membantu pelajar meningkatkan kesedaran kerjaya. Peranan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain adalah penting dalam memupuk kesedaran kerjaya.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan boleh memperkenalkan lebih banyak mata pelajaran vokasional dan teknik di peringkat sekolah menengah rendah. Ini penting kerana pengenalan mata pelajaran tersebut bermula di tingkatan 1 dapat memupuk kesedaran kerjaya dalam diri pelajar. Selain daripada itu, modul - modul perkhimatan bimbingan kerjaya boleh direka supaya dapat digunakan mengikut keperluan pelajar untuk meninjau minat, bakat dan kebolehan pelajar dalam bidang kerjaya.

Daripada cadangan yang dikemukakan di atas, usaha yang dijalankan untuk memupuk dan mempertingkatkan kesedaran kerjaya di kalangan pelajar perlukan kerjasama semua pihak yang terlibat. Penglibatan dan kerjasama semua pihak sama ada pihak sekolah, ibu bapa, jabatan kerajaan maupun sektor swasta adalah penting untuk menjayakan aktiviti yang dijalankan supaya pelajar mendapat maklumat kerjaya dengan lebih sempurna.

Adalah menjadi matlamat kerajaan Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Persaingan yang kita hadapi pada tahun - tahun akan datang, tenaga manusia yang bakal dilahirkan oleh sistem pendidikan kita

haruslah mempunyai daya saingan dan peka kepada perubahan yang berlaku sekelilingnya. Oleh kerana sekolah merupakan tempat di mana seseorang pelajar menyediakan diri untuk memasuki dunia pekerjaan, pihak sekolah dan pihak - pihak yang bertanggungjawab harus mempastikan pelajar dapat memasuki dunia kerjaya yang sesuai dengan bakat, minat dan kebolehan masing - masing dan membina matlamat kerjaya yang realistik.

Oleh kerana kajian ini menggunakan sampel kajian pelajar India dari dua buah sekolah sahaja, dicadangkan agar kajian yang lebih menyeluruh dijalankan dari semasa ke semasa. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan kelak akan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kesedaran kerjaya pelajar India di negara ini.